

Soalan Lazim

## Lotus's- Tenant Public Liability Insurance Programme

### 1. Apakah Insurans Liabiliti Awam?

- Syarikat akan melindungi Pihak yang Diinsuranskan dari semua jumlah yang perlu dibayar di sisi undang-undang oleh pihak diinsuranskan mengenai
- Kecederaan Anggota (termasuk kematian atau penyakit) terhadap mana-mana individu
  - Kerugian atau Kerosakan terhadap Harta

Terjadi berkaitan dengan Perniagaan dan semasa tempoh diinsuranskan.

Nota: Sila rujuk kepada spesimen polisi yang dilampirkan untuk Terma, Syarat dan Pengecualian.

### 2. Mengapa saya memerlukan Insurans Liabiliti Awam?

Insurans Liabiliti Awam adalah polisi insurans yang direka untuk melindungi perniagaan anda dari kejadian yang berpunca dari kecuaian anda, yang menyebabkan kecederaan anggota atau kematian orang awam atau kerugian atau kerosakan kepada harta pihak ketiga.

Kemalangan yang menyebabkan kecederaan anggota (termasuk kematian atau penyakit) terhadap orang awam, atau kerugian atau kerosakan harta, boleh terjadi dengan pelbagai cara hinggakan mereka yang sangat berhati-hati pun tidak dapat menjangka bahaya yang mendarat. Sekiranya kemalangan itu dikaitkan dengan perniagaan anda, anda boleh disaman atau dikenakan tindakan undang-undang. Sama ada tuntutan itu berjaya atau tidak, kos undang-undang yang perlu dibayar adalah tinggi.

### 3. Bagaimana untuk membeli/melanggan Program Insurans Liabiliti Awam ini?

Lotuss Stores (Malaysia) Sdn Bhd ("Lotuss") telah melanggan/membeli Program Induk Insurans Liabiliti Awam dari Berjaya Sompo Insurance Berhad ("BSIB").

Perlindungannya adalah:

- Tempoh insurans adalah dari \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_
- Pembatalan dan/atau perluputan persetujuan penyewaan dengan Lotuss akan menyebabkan pembatalan sijil polisi insurans individu secara automatik.

Had Perlindungan: seperti tertakluk di jadual di atas mana-mana satu kejadian dan tidak terhad semasa tempoh insurans.

Polisi ini tidak melindungi:

- Akses seperti yang dinyatakan dalam polisi
- mana-mana tuntutan yang terjadi di luar kawasan perniagaan.

Anda boleh melanggan/membeli perlindungan dalam talian di <https://online.berjayasompo.com.my/public-liability-insurance/lotuss/> atau mengisi [Borang Cadangan](#) dan bayaran sekali dengan slip bayaran sebagai bukti bayaran. Hantarnya semua dokumen kepada BSIB. Sekiranya pendaftaran anda telah diterima untuk Insurans Liabiliti Awam, BSIB akan mengeluarkan sijil insurans. Sila rujukkan sijil ini di dalam komunikasi anda dengan BSIB.

### 4. Apa yang tidak dilindungi?

Berikut adalah Pengecualian utama di dalam polisi:

- Kecederaan anggota terhadap pekerja anda
- Harta di bawah penjagaan atau kuasa anda, dan Harta pekerja anda
- Liabiliti yang diambil alih menerusi kontrak atau persetujuan
- Rawatan atau nasihat professional
- Barang yang dijual atau dibekalkan
- Tuntutan yang timbul dari pemilikan atau penggunaan kendaraan terdorong mekanik pesawat udara (selain yang terdorong manual) kereta api lokomotif atau pusingan stok dan takal angkat menggunakan jentera. Dalam sesetengah keadaan, Syarikat bersedia untuk melindungi kendaraan dan takal angkat menggunakan jentera tertentu.
- Peresapan pencemaran atau kontaminasi
- Denda atau Penalti
- Kerosakan Harta diakibatkan oleh letupan tangki atau perlatan lau yang beroperasi di bawah tekanan stim dalaman
- Risiko peperangan
- Kontaminasi Radioaktif

### 5. Jika saya mempunyai pelbagai perniagaan?

#### Situasi 1: Dalam premise Lotus's yang sama

Jika anda mempunyai pelbagai perniagaan di dalam premis Lotus's yang sama, anda boleh membeli/melanggan perlindungan di bawah satu pusat Lotus's sahaja.

#### Situasi 2: Dalam premise Lotus's yang berbeza

Jika anda mempunyai pelbagai perniagaan yang bukan di dalam premis Lotus's yang sama, anda boleh membeli/melanggan perlindungan untuk setiap premis Lotus's.

**6. Bagaimana boleh saya dapatkan maklumat tentang perlindungan ini?**

Anda boleh menghubungi syarikat insurans anda – BSIB pada bila-bila masa di antara pukul 8.30 pagi hingga 5.00 petang dari Isnin hingga Jumaat.

E-mel: [lotuss@bsompo.com.my](mailto:lotuss@bsompo.com.my)

Tel: 03-2170 7300 or 1-800-889-933

**7. Syarat Premium**

Perlindungan akan berkuat-kuasa dari tarikh pembayaran penuh premium tahunan kepada BSIB. Premium pro-rata tidak dibenarkan. Tiada pemulangan premium dibenarkan untuk pembatalan perlindungan pertengahan penggal.

**8. Apakah terjadi apabila timbulnya tuntutan?**

Sekiranya terdapat kejadian ini, prosesnya amat ringkas asalkan anda mempunyai Insurans Liabiliti Awam ini.

- Sekiranya pihak yang tercedera (plaintif) membuat tuntutan terhadap anda ke atas kecederaan mereka, Anda memaklumkan BSIB, penginsurans anda tetapi JANGAN mengaku kesalahan.

- Hubungi pegawai tuntuan BSIB.

- Email kepada:

[NMMarshSME@bsompo.com.my](mailto:NMMarshSME@bsompo.com.my)

[lotuss@bsompo.com.my](mailto:lotuss@bsompo.com.my)

- Sambung perniagaan **anda** seperti biasa

- **Anda** menyediakan maklumat yang diminta untuk pihak insurans

- Biarkan syarikat insurans mengendalikan hal undang-undang yang rumit.

Maklumat yang perlu disediakan kepada pihak BSIB adalah seperti di bawah:

- Nombor Policy
- Surat yang dikeluarkan oleh Plaintiff/firma peguam/peguam kepada anda
- Maklumat anda untuk dihubungi
- Penerangan ringkas mengenai tuntutan yang berlaku

**9. Dari manakah saya boleh mendapatkan maklumat yang lebih lanjut?**

Anda boleh merujuk pautan yang diberikan atau kod QR yang disediakan di bawah:

<https://online.berjayasompo.com.my/public-liability-insurance/lotuss/>



**NOTA:** Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk terma dan syarat penuh di bawah Polisi ini.